

## SIARAN AKHBAR

### TH BANTU 121 PELAJAR ASNAF SMK (P) LIKAS

**KOTA KINABALU, 8 September 2020** – Lembaga Tabung Hajji (**TH**) hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat berjumlah RM36,300 kepada 121 orang para pelajar berstatus asnaf di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) (SMP) Likas, Kota Kinabalu. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

“Penyerahan sumbangan zakat ini bertujuan membolehkan pelajar asnaf membuat persediaan bagi meneruskan sesi persekolahan sepanjang tahun 2020. Impak wabak COVID-19 telah mengakibatkan ramai pelajar khususnya dari kalangan mereka yang kurang berkemampuan tidak dapat meneruskan pembelajaran atas kekangan sumber pendapatan keluarga. Sumbangan ini juga diharap dapat memberi suntikan semangat dan pendorong kepada para pelajar agar lebih berdaya maju dan cemerlang dalam pelajaran, seterusnya meningkatkan taraf sosio ekonomi masing-masing,” kata YB Menteri.

Pada program ini, YB Menteri turut menyampaikan sumbangan **TH** berjumlah RM10,000 kepada Wakil Persatuan Ibu dan Bapa (PIBG) SMP Likas bagi tujuan penambahbaikan surau sekolah.

**TH** komited dalam menjalankan program-program zakat bagi membantu golongan sasar khususnya golongan asnaf, dalam pembangunan ummah yang lestari serta mengukuhkan imejnya sebagai institusi Islam yang dihormati kerana pencapaian dan tadbir urus yang baik.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Dr. Haji Kassim bin Thusin, Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pendidikan Islam Sabah; YBhg. Datin Hajah Nurlaila Said, Pengarah **TH** Negeri Sabah; Wakil Pengurusan PIBG SMP Likas; Pengetua SMP Likas; para guru; dan anggota-anggota **TH**.

-Tamat-

## **LEMBAGA TABUNG HAJI**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<b>Affan Aimaduddin Azami</b>	<b>Mohamad Naser Jaffar</b>
<p>Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my</p>	<p>Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my</p>